



**MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
TAWARAN SEBUT HARGA
NO. SEBUT HARGA : MPS/2023/34**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat / pembekal tempatan yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** di bawah kod bidang berkaitan dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkara berikut :

Tajuk Bekalan / Perkhidmatan	Kod Bidang	Keterangan	Harga Dokumen Sebut Harga
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN MENCUCI BANGUNAN TANDAS AWAM SERTA SURAU DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	221001	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PEJABAT	RM 50.00

- i) Tawaran ini terbuka kepada Pembekal / Syarikat yang telah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Segamat sahaja. Pendaftaran pertama kali (bagi yang belum berdaftar) / pembaharuan pendaftaran boleh dilakukan semasa urusan pembelian Dokumen Sebut Harga.
- ii) Dokumen Sebut Harga akan mula dijual pada **21 November 2023 (Selasa)** sehingga **29 November 2023 (Rabu)** di **Kaunter Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Segamat** dengan bayaran dalam bentuk **Draf Bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atas nama Majlis Perbandaran Segamat.
- iii) Tawaran Sebut Harga dikeluarkan kepada Pembekal / Syarikat atau wakil (surat wakil kuasa wajib disertakan) yang sah sahaja dibenarkan hadir bagi pembelian Dokumen Sebut Harga. Sila bawa bersama sijil-sijil asal berserta satu (1) salinan dokumen-dokumen berikut:-
 - i) Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM);
 - ii) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - iii) Cap Syarikat
- iv) Waktu penjualan Dokumen Sebut Harga adalah seperti berikut:-

Hari	Waktu Operasi Kaunter
Ahad - Khamis	8:30 pagi - 3:00 petang 1.00 petang - 2:00 petang (Rehat)

- v) Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dinyatakan No. Sebut Harga yang berkenaan di sebelah kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di Unit Perolehan Majlis Perbandaran Segamat sebelum atau pada **29 November 2023 (Rabu)** sebelum jam **12.00 tengahari**.

(YM UNGKU MOHD TAHIR BIN UNGKU MOHD ZAKARIA)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat
Tarikh : **2 0 NOV 2023**